



SIARAN AKBAR

MAJLIS SAMBUTAN MAULUD NABI MUHAMMAD SALLALLAHU ALAIHI WASALLAM BAGI TAHUN 1443 HIJRAH / 2021 KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Hari Sabtu, 23 Rabiulawal 1443/30 Oktober 2021

Bandar Seri Begawan, 30 Oktober 2021 - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dan Jabatan-Jabatan di bawahnya mengadakan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1443 Hijrah / 2021 Masihi secara maya.

Menyertai majlis tersebut selaku tetamu kehormat ialah **Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong**, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Turut menyertai majlis berkenaan ialah Yang Mulia Setiausaha Tetap; Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap; Ketua-ketua Jabatan dan Bahagian; pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian serta Jabatan-Jabatan di bawahnya.

Majlis didahului dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai, diikuti dengan Ceramah Khas bertajuk 'Cara Rasulullah Hadapi Ujian' yang disampaikan oleh Yang Mulia Ustaz, Dr. Haji Mohd Shahrol Azmi bin Haji Abd Muluk, Timbalan Pengarah Pusat Pengkajian Jawi dan Kitab Turath, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan. Majlis kemudiannya diteruskan dengan persembahan Dikir Marhaban dari Warga Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta Jabatan-Jabatan dibawahnya. Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat agar terhindar daripada Wabak COVID-19 dan Doa Peliharakan Sultan.

Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ini dikendalikan oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan dan ianya adalah merupakan kegiatan tahunan pihak Kementerian berkenaan bagi menyemarakkan lagi sambutan hari-hari kebesaran Islam. Tema sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam peringkat negara pada tahun ini adalah 'Rasulullah Kekasih Allah, Kekasihku Dunia Akhirat'.

/ TAMAT

Dikeluarkan oleh,
Jabatan Kemajuan Pelancongan
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
30 Oktober 2021 / 23 Rabiulawal 1443